

# Buku Malay Dilemma: Mahathir jawab Asri

**KUALA LUMPUR,**  
Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Datuk Haji Mohamad Asri tidak sanggup menyanggah cabarannya supaya beliau membuktikan dakwaannya dan para pemimpin PAS yang lain yang beliau ada menyebut dalam buku 'The Malay Dilemma' — orang-orang Melayu akan mundur selagi mereka menganuti agama Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir percaya, Yang Dipertua Agung PAS itu telah membaca buku tersebut (mungkin waktu di luar negeri).

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Haji Mohamad Asri hari ini yang mendakwa Timbalan Perdana Menteri sengaja memutar belitkan kenyataan beliau (Datuk Asri) dan para pemimpin PAS yang lain berhubung dengan buku The Malay Dilemma itu.

## Mengulas

Kenyataan itu dibuat oleh Datuk Asri sebagai mengulas ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir di Sungai Petani Jumaat lalu yang mengatakan kesanggupannya meletakkan jawatan jika PAS sedia membuktikan tuduhan mengatakan beliau ada berkata dalam buku The Malay Dilemma bahawa orang-orang Melayu akan mundur selagi mereka menganut agama Islam.

Datuk Asri berkata, beliau dan rakan-rakannya hanya menyebut bahawa di dalam buku karangan Datuk Seri Dr. Mahathir yang masih diharamkan itu menyatakan salah satu kemunduran orang Melayu ialah kerana amat taksuf mereka kepada agama.